

3. PANTANG LARANG DAN HAK KEWAJIPAN

MEREKA yang diberi tanggungjawab melaksanakan pentadbiran adat bukanlah bebas mengikut kemahuan seseorang. Di samping diwujudkan peraturan ke atas anak-anak buah (masyarakat dan rakyat), mereka yang menyandang jawatan juga mempunyai 'pantang larang' yang ditetapkan, di samping 'hak kewajipan' yang mesti dipikul.

Maka adat Minangkabau menyusun pantang larang dan hak kewajipan itu seperti diungkapkan:

Luak berpenghulu, rantau beraja

Kampung beraja ke mamak

Rumah tangga beraja kali

Rumah gadang bertunggansi

Suku babuah paruik (suku berbuah perut)

Negeri berpagar buat

Anak buah beraja mamak

Mamak beraja kepada penghulu

Penghulu beraja pada muafakat

Muafakat di atas alur patut

Alur patut beraja benar

Benar berdiri sendirinya.

Mencampak tiba di hulu

Kenalah anak bada balang

Apakan cupak deli penghulu

ialah berpermain undang-undang

Penghulu dalam konteks adat ialah pelaksana undang-undang yang memberi kata putus: Mengarah mengajukan, biang menebuk, genting memutuskan. Oleh itu mereka yang dilantik menjadi penghulu mestilah bertanggungjawab memelihara keadilan dicapai melalui adat. Ditegaskan dalam kata-kata orang Minangkabau bagi seseorang penghulu itu:

"Baik zatnya, seorang laki-laki baligh ~~suka~~ berakal, kaya pada akal dan budi, adil menempatkan sesuatu pada tempatnya, arif dan bijaksana, tabligh dan menyampaikan kebaikan, pemurah berbuat baik, berilmu tentang adat dan undang-undang, tulus dan ikhlas, sabar dan tawakkal, Kok datang upek jo puji sangko sitawar dan sidingin, beralam luas berpadang lapang, sayang kepada adat dan negeri, memelihara anak kemenakan, kusut menyelesaikan, keruh menjernihkan, murah dan mahal pada pertimbangan."

Memang dalam teori begitu murni terjelma sifat-sifat kepimpinan seseorang penghulu itu, tetapi praktiknya adalah menjadi masalah juga. Bagaimanapun jawatan penghulu itu adalah diwarisi turun temurun dan menjadi sako kebesaran kepada keturunan suku dan kaum masing-masing.

Pada peringkat awal peraturan dibuat di tiap-tiap negeri hanya mempunyai empat suku dengan empat penghulu. Daripada empat orang penghulu itu dipersetujui pula salah seorang di kalangan mereka menjadi 'pucuk bulat' atau 'sendi padat' yakni mengetuai kerapatan.

Sekiranya di kalangan mereka tidak mencapai muafakat, maka dibolehkan memilih orang kelima menjadi pucuk bulat/sendi padat ini bagi mengetuai kerapatan adat di dalam negeri. Biasanya mereka yang dipilih ialah daripada kalangan keturunan orang yang mula-mula mencacak (membuka) negeri, iaitu disebut:

Sesepuh

Tempat minta keadilan

Nan pemegang buat penghulu-penghulu.

Di sini juga bermulanya perlantikan raja bagi satu-satu wilayah itu, kerana 'sesepuh' itu dianggap berdaulat kepada beberapa negeri berdekatan. Dengan wujudnya 'pucuk bulat' kemudian menjadi 'raja adat', maka fungsinya ialah sebagai pemegang keadilan. Manakala penghulu ke ampek suku pula sebagai pentadbir dengan di bawahnya diperkuatkan & lagi dengan penghulu andiko yang dibantu oleh urang ampek jinih iaitu manti, malin dan dubalang.

Pantang larang penghulu: Marah-marah tak menentu, memerahkan muka di tengah ramai, berkata kasar tak menentu, mengherdik menghentam tanah, menyinsing lengan baju, berlari-lari dan memanjat-manjat.

Tugas kewajipan penghulu: Mengendalikan pentadbiran adat dengan undang-undang adat. Mengadakan muafakat (mesyuarah) di balairong, menghukum berdasarkan undang-undang (aturan) adat:

Mengkati (menimbang) sama berat

Memutus sama adil

Tiba di mata tidak dipicingkan

Tiba di perut tidak dikempiskan.

Hak penghulu: Wang adat, emas manah, tukuk babuang, bungo ampiang, bungo kayu, bungo pasia, bungo tambang jo taruko, lacuk lantak tanam batu, sawah abuan, hak bermilik, harta berpunya, rumput sehelai sudah bermilik, capo sabatang lah berpunya, genggam beruntuk dek kemandakan, ulayat pulang ke penghulu, nan gentung pulang ke raja.

Hak raja: Nak daciang pengeluaran, ubur-ubur gentung kamudi, ameh manah, tukuk bubuang, rimbo rayo padang nanar, ameh sacupak saulang aling, nan sakundi sagandeo, nan sapatiang tali bajak, nan sakipek lengan baju:

Andam pulang kepada rajo

Keadilan pulang kepada rajo

Kamulisan pulang kepada rajo

Deulat dan kesaktian pulang kepada rajo.

MENAMBAH JUMLAH PENGHULU

Masyarakat yang mengamalkan adat Minangkabau akan menambah jumlah jawatan penghulu berdasarkan kepada empat perkara iaitu: i) Gadang menyimpang, ii) Menggunting siba baju, iii) Baju sehelai dibagi dua, dan iv) Bungo bakarang (bunga berkarang).

i) Gadang menyimpang: Apabila anak kemenakan telah bertambah ramai, dengan negeri banyak terbuka, sudah tentulah mereka tinggal bertaburan di pelusuk daerah. Maka dengan persetujuan kaum dan suku, mereka mengambil ketetapan memecahkan gelar kebesaran sako kepada dua bagi memudahkan anak kemenakan menemui pembesar adat.

Misalnya, satu-satu suku itu gelaran pembesarnya ialah DATO' SINARO, apabila anak kemenakannya bertambah ramai dan tinggal berjauhan maka dibolehkan di kalangan mereka melantik seorang lagi pembesar dengan gelar kebesarannya: DATO' SINARO MANCKUTO. Dengan ini gelaran kepada pembesar baru itulah dinamakan 'gadang menyimpang'.

Bagaimanapun setiap lantikan itu mestilah mendapat restu melalui kerapatan dato'-dato' ke ampek suku; iaitu kerapatan adat negeri.

ii) Menggunting siba baju: Bagi anak-anak buah yang 'hinggap mencenghram batang, terbang menumpu dahan' yakni daripada suku yang sama tetapi telah lama membuat penempatan dan berkembang biak di negeri lain, maka mereka diberikan 'siba baju' dengan persetujuan musafakat kaum, ~~suku~~ suku, ke ampek suku dan kerapatan adat negeri.

iii) Baju sehelai dibagi dua: Dipakai oleh mereka yang mempunyai pertalian darah (waris nasab). Perlantikan demikian seakan-akan sama dengan 'gadang menyimpang', tetapi berbeza dalam perkara tempat dan kawasan anak kemenakan itu membuat penempatan.

Bagaimanapun pemilihan seorang lagi dato' hendaklah mendapat persetujuan bulat daripada kaum dan kerapatan adat dengan menilai jumlah anak kemasukan di bawah dua orang dato' berkenaan mestilah seimbang. Dalam konteks 'baju sehelai dibagi dua' ini sesuai dilakukan ke atas jawatan ~~datukandikax~~ penghulu andiko.

iv) Bungo bakarang (bunga berkarang): Apabila satu-satu kaum datang terkemudian di satu-satu negeri, dan menyandar atau bernaung kepada mamak (dato') kaum yang telah sedia ada. Kaum berkenaan tidaklah datang bersama sako gelar kebesaran, malah sako di negeri asalnya juga tidak diketahui atau tidak wujud sama sekali. Sekiranya sako di negeri asalnya wujud, maka mereka boleh membawanya sama apabila berpindah ke negeri baru dan ini dinamakan: Menggunggang membawa tabang, tabang gagak jo hitam-jo'.

Kalau tidak ada sako dari negeri asalnya, maka dibolehkan kumpulan mereka 'meminta jalan' kepada mamak tempat menyandar bagi mewujudkan dato' mereka sendiri. Persetujuan dato' ke ampek suku dan kerapatan adat negeri juga diperlukan. Lantikan demikianlah dikenali sebagai 'bungo bakarang' atau dalam ungkapan perbilangannya disebut:

Dikarang bungo di kabun

Dibuat penghulu ~~dk~~ di kampung baru

Nak tuah bertabur urai.

MENGGANTI PENGHULU

Lantikan penghulu juga boleh diganti di atas empat perkara iaitu: i) Hidup berkerelaan, ii) Mati batungkek bodi, iii) Mengambang nan balipek, dan iv) Membangkik batang tarandam.

i) Hidup berkerelaan: Apabila seseorang penghulu tidak mampu lagi menjalankan tanggungjawabnya melaksanakan aturan adat. Keadaan demikian dianggap sebagai: Budrik lah tinggi, lurah lah dalam. Maka berkewajipan bagi kaum dan

suku mencari musafakat untuk mendapatkan pengganti penghulu. Langkah tersebut dinamakan: Dicari biji nan boneh dalam waris nasab.

ii) Mati batungkek bodi: Apabila seseorang penghulu meninggal dunia, maka jawatannya kosong. Oleh itu kaum dan suku mestilah bermusafakat mencari pengganti kerana adat menetapkan: Gadang di tanah tasirah harus segera mengadakan pati ambalau, helat jamu aturan adat. Memang menjadi amalan biasa bahawa apabila penghulu meninggal dunia, gantinya mesti dicari bagi mengisi kekosongan seperti ditegaskan dalam perbilangan:

Sako gelangnya dihimbaukan

Di tanah tasirah

Dipandang pakuburan

Patah tumbuh hilang baganti

Pesako disandang dek nan mudo.

iii) Mengembang nan belipek (mengembang nan berlipat): Ketika seseorang penghulu meninggal dunia, berlaku masalah apabila waris nasab tidak mendapat kata musafakat untuk mencari pengganti. Maka sako gelar kebesaran 'dilipat' tertaruh kepada 'peti bunian' (yakni dato' ke ampek suku). Setelah masalah berkenaan dapat diselesaikan barulah sako gelar kebesaran itu diambil semula daripada peti bunian.

Perlantikan penghulu yang baru itulah dinamakan 'mengembang nan berlipat', sesuai dengan keadaan beliau menerima lantikan itu:

Adat diisi limbago dituang

Kepada dato' ampek suku

Dan kerapatan adat negeri.

Jawatan penghulu adalah kekal seumur hidup. Penghulu hanya akan diganti apabila beliau meninggal dunia. Lantikan kepada penggantinya mestilah daripada waris nasab yang mempunyai pertalian darah sebelah ibu (matrilinial). Mereka hendaklah dipilih daripada kalangan perut-perut yang terlingkung dalam satu-satu suku atau kaum.

Di masa lampau perlantikan: penghulu dibuat semasa hari pengkebumian: penghulu yang meninggal dunia. Adat tidak membenarkan perlantikan tersebut ditangguhkan kerana telah ditetapkan: Penghulu ~~maka~~ mati, penghulu menanamkan. Ketika itu memang jarang berlaku sebarang perselisihan merebut jawatan penghulu, kerana masyarakat menyerahkan perkara perlantikan tersebut kepada 'mesyuarah'.

Tetapi setelah berlaku perubahan masa, dan kerap kali berlaku timbul masalah sukar mencapai kata sepakat, maka selepas kematian penghulu diberi tenggang waktu hingga 40 hari bagi mencari pengganti penghulu. Sekiranya dalam masa 40 hari masih juga tidak dapat mencari ganti sako gelar kebesaran penghulu, maka hendaklah disimpan atau 'dilipat' dahulu sehingga dapat dicari penggantinya.

RANJI

Ranji ialah salasilah keturunan daripada tiap-tiap suku kaum. Kalau ranji hanya menunjukkan/menerangkan keturunan satu-satu kaum, maka ia dinamakan 'ranji kaum'. Manakala yang mencatatkan susur galur keturunan suku dinamakan pula 'ranji suku'. Sekiranya menyangkut dengan salasilah sesebuah negeri maka dinamakan pula 'barih balabeh'.

Serendah-rendah ranji ialah ranji kaum. Sementara yang lebih besar skopnya pula ranji suku. Dalam satu-satu ranji kaum terdapat seorang penghulu andiko kaum yang membawa gelaran dato' iaitu mamak kepala waris untuk harta pesaka. Dalam konteks ini lazimnya ranji itu ialah untuk satu-satu kaum yang lengkap. Selebihnya adalah kaitan sampingan sahaja.

Ranji yang sempurna ialah salasilah yang dapat menyusun tiga peringkat keturunan ke atas, dan tiga peringkat keturunan ke bawah, termasuk juga kalangan orang-orang tua yang masih hidup dalam satu-satu kaum itu. Sekiranya terdapat lebih daripada tiga peringkat, tentulah ranji itu lebih sempurna.

Kadangkala ranji ini disusun semula melalui tutur dan wasiat untuk memperbaiki daripada ranji yang asal. Bagaimanapun susunan itu mestilah mendapat nasihat

seorang yang paling tua dalam satu-satu kaum berkenaan, di samping daya ingatannya yang kuat dengan diberitahu kepada nenek mamak kepala waris atau penghulu andiko terlebih dahulu. Ranji baru itu pula hendaklah disahkan oleh penghulu pucuk suku/ke ampek suku kerana kedudukan mereka sebagai 'peti bunian'. Setelah mendapat pengesahan mereka barulah ranji berkenaan didaftar dan diiktiraf kepada kerapatan adat negeri untuk dimaktubkan di balai kerapatan adat negeri.

Anggota keturunan yang terlingkang daripada seorang nenek perempuan (nenek perempuan yang melahirkan ibu-ibu dan mamak-mamak, serta anak-anak lelaki dan perempuan daripada ibu-ibu tadi) disebut: YANG KANDUNG. Manakala keturunan daripada nenek yang lain iaitu 'seibu' dengan nenek pertama menurut nisab ibu (matrilinial) pula disebut: JARAK SEJARI dan BERTALI DARAH.

Sementara keturunan daripada saudara ibu nenek tadi dan turun daripada seorang nenek perempuan pada tingkat yang lebih atas disebut: JARAK SEJENGKAL BERTALI DARAH. Demikianlah seterusnya akan dipanggil 'jarak sehasta' dan 'jarak sedepa' hingga meliputi ranji bertali darah nisab ibu bagi satu-satu suku; baik suku gadang sesudut negeri ~~manip~~ mahupun suku kacik.

Kedudukan jarak yang dicatat dalam ranji adalah mempengaruhi pembahagian hak milik harta pesaka dan warisan. Mereka yang diberi keutamaan mendapat warisan adalah jarak yang paling dekat. Begitu juga pembahagian besar ~~kek~~ atau kecil pesaka warisan itu bergantung kepada jarak yang dicatatkan di dalam ranji. Misalnya 'sejengkal' lebih rapat daripada 'sehasta' atau 'sedepa', dan begitulah seterusnya.

Sementara itu hubungan satu-satu ranji tertinggi dengan satu-satu suku dalam sesebuah negeri akan berlanjutan kepada hubungan 'serpih belahan' ke negeri lain iaitu orang setali darah satu suku sekalipun tempat kediaman terpisah akibat berlainan kampung. Hubungan itu berterusan melalui adat sekiranya mereka terpisah lebih jauh, tetapi tetap dapat dicari susur galurnya melalui 'barih belabeh negeri' iaitu hubungan langsung kepada 'waris nan bertali adat'.

PUSAKO (PESAKA)

Kedudukan pesaka di dalam adat Minangkabau ialah nilai mertabat dan harta benda yang diwarisi turun temurun. Menurut aturan adat pesaka itu terbahagi kepada dua katogori iaitu: i) Pesaka harta benda, dan ii) Pesaka kebesaran (sako gelar kebesaran).

i) Pesaka harta benda: Terbahagi kepada dua jenis pula iaitu 1) Pesaka tinggi, dan 2) Pesaka rendah.

1) Pesaka tinggi: Turun temurun menurut aturan adat daripada nisab ibu (matrilinial) ditetapkan: Bulat tidak bersanding, picak tidak bersegi, menurut acuan yang ada sepanjang adat. Adapun yang termasuk dalam pesaka tinggi ini ialah:

Sawah ladang, banda bustan

Rumah gadang lumbung bepereng

Kebau jawi taranak di padang

Hutan tanah ulayat

Gurun sasak pandan pekuburan.

Termasuk juga beberapa jenis lagi yang ditetapkan pula oleh suku dan kaum tertentu, mengikut keupayaan suku dan kaum mereka. Sekiranya lebih banyak harta pesaka tingginya, maka banyak pulalah jenisnya yang disenaraikan.

2) Pesaka rendah: Ialah harta benda yang tidak tergolong kepada pesaka tinggi, dan diwariskan mengikut budi bicara pemiliknya. Di antara jenis harta yang dikatogerikan kepada pesaka rendah ini ialah:

a) Harta susuk

b) Harta suarang

c) Harta pencarian

d) Harta ibah (pemberian)

e) Ibah bakteh

f) Ibah kafiat

- a) Harta susuk: Isitu harta yang didapati melalui usaha seseorang atau bersama yang dimasukkan kepada harta kaum dengan dihimpunkan dan menambah harta pesaka tinggi.
- b) Harta suarang: Ertinya harta bersama (syarikat) termasuk suami isteri, perwarisannya dibahagi mahupun diwariskan telah dibahagi terlebih dahulu.
- c) Harta pencarian: Terdiri daripada teroka bersama atau sendiri, dan harta benda lain yang diperolehi melalui usaha sendiri atau bersama, termasuk pencarian suami isteri. Pembahagian dan pewarisannya adalah menurut kaedah:

Suarang babagi

Sakutu babalah

Barabuk ke tengah.

Ianya boleh diletakkan di bawah taklid: hukum syarak (fara'idh), termasuklah harta perolehan jual beli, sanda gadai kembali dengan tebusan.

- d) Harta ibah: Terdiri daripada ~~ibah~~ 'ibah laleh', yakni lepas hak bagi yang memberi dengan tidak meletakkan apa-apa syarat. Perwarisannya ~~tersebut~~ terserah kepada penerimanya.
- e) Ibah bakteh: Ialah pemberian berbatas yakni mempunyai syarat dengan tempoh waktunya, di samping khusus kepada pihak tertentu sahaja sebagai penerima.
- f) Ibah kafiat: Ialah pemberian dengan syarat meletakkan wang atau barang dan lain-lainnya.

ii) Pesaka kebesaran: Diwariskan kepada jurai keturunan di dalam sudu mengikut lingkungan 'perut' dan terdiri daripada: a) Sako, dan b) Sangsako.

- a) Sako: Ialah mertabat yang diterima turun temurun, yang mengikut susunan jabatan dengan gelaran kebesaran adat. Sako ini dipelihara bersama oleh semua anak-anak buah. Dibubut tidak mati, di-

anjak tidak layuh. Gelaran kebesaran ini meliputi penghulu kebesaran di luar, penghulu kebesaran di negeri, gelaran raja-raja, penghulu puak adat, penghulu suku dalam suku, penghulu suku kampung, penghulu andiko kaum, gelaran raja dalam alam, luar dan rantau, basa dan urang gadang. Panggilan kepada gelaran ini ialah: Dato', Tuan di-Pertuan, sultan, ikek ampak payung sakaki dan sebagainya.

- b) Sangsako: ialah pakaian yang terdiri daripada pakaian tubuh dan pakaian hati. Pakaian tubuh dapat pakai memakai seperti kain baju, alat senjata, perhiasan dan sebagainya seperti ditetapkan:

Condong mato ke nan elok

Condong salero ke nan lamak.

Pakaian hati: ialah pakaian yang tidak dapat dilihat dengan mata, hanya dapat dirasakan dengan: Raso jo paraso, iaitu bergantung kepada kesukaan yang memberikan kepuasan kepada hati:

Raso dibawa naik

Paraso dibawa turun

Belakulah basa basi

Sayang menyayangi

Segan menyegani.

Dengan adanya pakaian hati ini barulah wujud panggilan hormat kepada pembesar adat. Mereka diberi gelaran penghormatan iaitu: Kaciak banamo gadang bagalar. Panggilan kehormatan ini bernama gelaran mudo, gelaran kehormatan atau darjah kesetiaan seperti: Sutan berbangso, rajo bandaro dan sebagainya yang takluk kepada aliran sako.

Sementara gelaran kepada raja pula dikenali seperti: Raja Ma-
ning, Malin Daulat, Perhase Alam Sutan Runding, Kalipatullah,
Johan Berdaulat, Bahilap Alam dan sebagainya yang menggambarkan
kedaulatan dan kehormatan terhadap raja-raja daripada rakyat je-
lata.

WARIS

Menurut adat Minangkabau waris terbahagi kepada dua iaitu: i) Waris nasab,
dan ii) Waris sebab. Waris nasab pula terbahagi kepada dua juga iaitu a) waris
nan bertali 'darah', dan b) waris nan bertali 'adat'.

i) Waris nasab: Termasuk dalam waris nasab ini ialah waris nan bertali
darah dan waris nan bertali adat:

a) Waris nan bertali darah: Ialah keturunan yang lurus tujuh tenggang
ke atas dan tujuh tenggang ke bawah pada satu nenek atau satu ke-
turunan nasab ibu:

~~Sekam xxxxxxxx~~

Sesutu ~~xxxx~~ sesako

Sekam sepesaka

Sesusut jerami

Sepandam sepekebunan

Barang di mana tempat diam

Suarang belum berbagi

Sekutu belum berbelah.

Hubungan kekeluargaan mereka tidak berputusan melalui jurai
keturunan daripada satu generasi ke satu generasi, dan dike-
nali sebagai waris nan selurusnya, kerana:

Kok tiba dipesaka, dipesakai

Kok anak buah bakembangan

Dibuek gadang menyimpang

Atau baju sehalai dipakai baduo
Nan pantang ayam duo salasung
Harimau duo satanjung
Kok sako nan tataruh
Dikambang nan balipek
Atau membangrik batang tarandan
Balun basibak nan basisiah.

- b) Waris nan bertali adat: ialah hubungan kekeluargaan melalui amalan adat yang sama dipakai, sekalipun terdapat berpezaan aturan yang dilaksanakan, tetapi tetap berpangkal kepada adat Minangkabau. Keduanya ini ~~di~~ diterangkan:

Adat oiek pesaka satu
Berkerat berhudungan
Bertali darah dahulunya
Sesuku sesako
Bernama waris nan kabuliah
Habis nan bertali darah
Jauh boleh ditunjukkan
Darek dapek dikalukken.

Boleh sako dipesakai
Nan berkerat berhudungan
Nan bersepah berbelahan
Kok jauh jalang menjalang (hujung mengujung)
Kok hampir himbau menghimbau
Sesensang sesakit
Malu belua beragih
Panjang berkeratan laweh bersibiran

Punah salah satu

Adat diisi limbago

Dituang rumah ba-urui kampung.

Bertunggu nan tak boleh

Digonggong dibawa terbang

Dikembang nan berlipat

Atau dibangkit batang terendam

Dihuni kampung ditunggu rumah

Tentang ruas tunas ke tumbuh.

ii) Waris sebab: Terbahagi kepada dua iaitu: a) waris 'nan batali buek (budi)', dan b) waris nan batali ameh (emas).

- a) ^{Waris} Waris nan batali buek (budi): ialah waris yang mempunyai pertalian melalui budi baik yang diikat dengan perbuatan ikrar. Budi baik ini meliputi juga jasa bakti yang menjadi kenangan sepanjang hidup, dan diungkapkan dalam perbilangannya:

Taga dek elok: samo elok

Dibuek karang jo buatan

Diikek janji jo ikarah (ikrar)

Sato dibusuek ariang

Di nan ado samo buliah

Indak sako dipesakai

Buliah manah dipesakai

Tamakan di budi taga dek: suhu.

Tumbuah di ateh kato sapakat

Balik kato ke pamulsa

Bulek kato ke muafakatan

Sekato korong jo kampuang

Capel: manah taga dek: agiah